

14 JUN, 2026

BAJET DIBUAT PDT, BUKAN SAYA'



Metro Ahad, Malaysia

ANGGARAN KOS ROBOH 'FLAT' ROHINGYA RM600,000

'BAJET DIBUAT PDT, BUKAN SAYA'

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan menjelaskan jumlah RM600,000 bagi merobohkan bangunan seakan 'flat' empat tingkat yang dibina secara tidak sah oleh komuniti Rohingya di kawasan terpencil di Sungai Tekali, Hulu Langat bukan datang daripadanya.

Sebaliknya, Mohd Sany berkata, anggaran bajet diperlukan untuk merobohkan itu hasil mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) dipengerusikan Pegawai Daerah Hulu Langat.

"Bajet ini dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), bukan saya. Bajet (diperlukan untuk perobohan) ini datang daripada agensi.

"Agensi itu adalah PDT Hulu Langat setelah mereka bermesyuarat dengan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor disebabkan ia me-

KERTAS KERJA SUDAH DIBAWA KE MTES, TUNGGU BAJET RM600K KOS ROBOH 'FLAT' ROHINGYA

Kuala Lumpur
Suruhanjaya Perumahan dan Kerajaan Tempatan (SKT) melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan berkata, kertas kerja merobohkan bangunan seakan 'flat' empat tingkat yang dibina secara tidak sah oleh komuniti Rohingya di kawasan terpencil di Sungai Tekali, Hulu Langat, Selangor.

■ LAPORAN Harian Metro, semalam.

libatkan banyak jabatan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai anggaran sesetengah pihak yang menyifatkan jumlah perobohan RM600,000 itu adalah tinggi.

Mohd Sany turut menyifatkan proses merobohkan sebuah bangunan itu bukannya mudah dan kesemuanya memerlukan kos.

"Ada orang cakap bagi kamilah YB, biar kami roboh. Jangan, sebab ini melibatkan keselamatan (dan) melibatkan nyawa.

"Nak kena kaji juga struktur bangunan itu bagaimana. (Jika) sudah roboh, batu-batu itu nak buang ke mana? Semua itu

bernama-sama Serantau. "Tinggi Perumahan Selangor-Rajah Keratan Lajang (TRKRL) yang ditugaskan untuk projek ini adalah Rohingya di Malaysia.

Beliau berkata, unit merobohkan flat Rohingya juga bukannya mudah kerana ia melibatkan keselamatan orang ramai. "Kita boleh tangkap dan dapatkan mereka di kem terusan. Tetapi, bila ditangkap dan ditempatkan di kem terusan itu, saya yang kita kena tangkap untuk seorang di kem terusan adalah, adakah

boh ini memang akan ditanggung oleh kerajaan, nak capak macam mana. Bukan kos itu saya yang minta-minta (atau) pandai-pandai saya buat," katanya.

Mohd Sany berkata, pihaknya dimaklumkan PDT telah menghantar notis 7A kepada pemilik tanah berkaitan pembinaan bangunan seakan 'flat' empat tingkat itu.

"Dia kena jawab, kalau dia tak jawab, selepas itu, pejabat tanah akan menghantar pula notis 7B. Notis 7B itu untuk merampas tanah. Tapi proses itu bukan semudah.

"Saya nak minta kalau boleh...tak apalah orang nak marah dengan saya marahlah. Cuma rakyat dalam negara kita ini, kalau nak bagi pandangan (atau) nak mengeluarkan kenyataan, jangan berdasarkan kepada emosi," katanya.

Menyentuh mengenai perobohan bangunan lain berdekatan 'flat' empat tingkat itu, Mohd Sany sebaliknya menyatakan ia perlu ditanya kepada PDT.

"Itu saya rasa kena tanya dengan pejabat tanah. Cuma mesyuarat baru-baru ini dimaklumkan untuk merobohkan flat itu dulu," katanya.



'FLAT' empat tingkat yang dibina secara tidak sah oleh komuniti Rohingya di kawasan terpencil di Sungai Tekali.